

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999
TATACARA TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
(PENYAMPAIAN NOTIS ATAU DOKUMEN MELALUI E-MEL) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 109A Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*] dan perenggan 15(1)(c) Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Tribunal Tuntutan Pengguna) 1999 [*P.U. (A) 479/1999*], Tribunal Tuntutan Pengguna membuat tatacara yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Tatacara ini bolehlah dinamakan **Tatacara Tribunal Tuntutan Pengguna (Penyampaian Notis atau Dokumen melalui e-mel) 2024**.
- (2) Tatacara ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2024.

Penyampaian melalui e-mel

2. (1) Apa-apa notis atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan kepada mana-mana orang secara komunikasi elektronik di bawah perenggan 15(1)(c) P.U. (A) 479/1999 hendaklah disampaikan melalui e-mel kepada orang itu.
- (2) Apa-apa notis atau dokumen yang telah disampaikan melalui e-mel hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sempurna kepada mana-mana orang—
 - (a) jika orang itu seorang individu, apabila notis atau dokumen itu disampaikan ke alamat e-mel terakhir yang diketahui bagi seorang individu itu yang telah diperoleh daripada orang individu itu secara bertulis atau daripada mana-mana sumber sebagaimana yang difikirkan patut oleh Tribunal;

(b) jika orang itu suatu syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan, apabila notis atau dokumen itu disampaikan ke alamat e-mel terakhir yang diketahui bagi syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan itu yang telah diperoleh daripada syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan atau laman web atau dokumen rasmi kepunyaan syarikat, pertubuhan perbadanan atau pertubuhan itu; atau

(c) jika orang itu suatu firma, apabila notis atau dokumen itu disampaikan ke alamat e-mel terakhir yang diketahui bagi tuan punya tunggal atau pekongsi firma itu yang telah diperoleh daripada firma atau laman web atau dokumen rasmi kepunyaan firma itu.

(3) Apa-apa notis atau dokumen yang disampaikan di bawah subperenggan (2) hendaklah lengkap beserta dengan apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang telah dikehendaki di bawah P. U. (A) 479/1999 semasa penyampaian dibuat.

Tempoh had masa penyampaian

3. Apa-apa notis atau dokumen yang disampaikan melalui e-mel kepada mana-mana orang di bawah Tatacara ini hendaklah disampaikan—

(a) oleh pihak-pihak pada hari bekerja dari pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang; dan

(b) sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh pendengaran.

Salinan cetak

4. Mana-mana orang yang membuat penyampaian notis atau dokumen melalui e-mel di bawah Tatacara ini hendaklah mengemukakan satu salinan cetak e-mel tersebut kepada Tribunal sebelum atau pada hari pendengaran sesuatu tuntutan itu.

Bukti penyampaian notis atau dokumen

5. Semasa prosiding pendengaran tuntutan, Presiden boleh meminta mana-mana pihak kepada prosiding untuk mengemukakan apa-apa bukti lain yang difikirkan oleh Presiden munasabah sebagai bukti bahawa notis atau dokumen itu telah disampaikan dengan sempurna.